

Sistem ejaan guna perkataan asing

BH (Rahm) - Agam Pencera

23/10/2013 : ms 29

Kenyataan bahawa menjadi kewajipan setiap warganegara memartabatkan bahasa Melayu ketika dilancarkan Bulan Bahasa Kebangsaan 2013 di Putrajaya, bukan saja tepat. Ia juga perlu dikotakan dengan penuh iltizam oleh semua pihak.

Ini kerana bahasa Melayu bahasa negara kita. Ia mendukung dua peranan penting. Sebagai bahasa kebangsaan yang menjadi lambang negara, ia alat pemersatu masyarakat pelbagai kaum. Pada masa sama, sebagai bahasa rasmi, selain bahasa kerajaan, ia alat kemajuan untuk rakyat dan negara Malaysia.

Usaha memartabatkan bahasa Melayu adalah pelbagai. Antaranya yang penting ialah penggunaan bahasa Melayu yang baik dan betul, khususnya dalam ranah rasmi. Ini termasuklah penggunaannya di tempat awam, seperti pada papan tanda.

Penggunaan presint dan parcel

Sehubungan ini di Putrajaya, perkataan 'presint' dan 'parcel' yang diguna pakai untuk mendukungkan m a k n a perbandaran tertentu, adalah contoh penggunaan bahasa Melayu yang jelik dan salah. Ini bukan masalah sangat kerana kedua-dua perkataan itu adalah bentuk asing.

Sudah tentu, penggunaan bentuk asli bahasa Melayu dalam hal penamaan ini, adalah lebih afdal. Namun, oleh sebab 'presint' dan 'parcel' adalah istilah dalam bidang perancangan bandar, penggunaannya boleh diterima sebagai bertepatan di Putrajaya, sebuah bandar yang dirancang. Dalam hal ini, seperti pada banyak istilah lain daripada sumber asing, makna kepakarannya merupakan syarat pengambilannya.

Yang menjadi masalah dalam konteks penggunaan bahasa Melayu yang baik dan betul, ialah 'presint' dan 'parcel' tidak dieja mengikut sistem bahasa Melayu. Bentuk 'presint' bersifat separa Melayu dan separa Inggeris. Oleh itu, ia salah.

Ejaannya yang betul ialah 'presin'. Ini kerana semua bentuk asing, khususnya daripada bahasa Inggeris, yang berakhiran dengan huruf 'nt', tidak mengekalkan huruf 't'. Ia digugurkan kerana bukan amalan kita menyebut huruf itu, sama ada secara jelas atau tidak dalam bahasa Melayu.

Dengan ini, semua perkataan bahasa Inggeris yang kita serapkan ke dalam bahasa Melayu, misalnya 'parlimen', 'presiden', 'dokumen', 'sentimen', 'enrolmen' dan lain-lain, tidak mengekalkan huruf 't'. Jadi 'presin' juga perlu mengikut peraturan ini. Mengapa perlu ada kekecualian di sini?

Bentuk 'parcel' pula terus dikekalkan

dalam ejaan Inggerisnya. Sepatutnya ia dieja 'parsel', mengambil kira banyak bentuk Inggeris lain yang bersifat sedemikian, melalui proses ini. Antaranya adalah 'pensel', 'canselor', 'rasis', 'sentimeter' dan lain-lain, yang memperlihatkan penukaran huruf 'c' dalam bahasa Inggeris kepada huruf 's' dalam bahasa Melayu.

Mercu tanda negara

Putrajaya bukan saja mercu tanda penting di negara ini. Ia sebenarnya adalah jati diri kebangsaan kita. Oleh itu, bahasa Melayu yang digunakan di Putrajaya itu hendaklah baik dan betul.

Sebenarnya kesalahan pada 'presint' itu boleh diperbetul dengan mudah. Pembuangan huruf 't' padanya sudah pun menyelesaikan masalah kesalahan itu. Ini dapat dilakukan dengan menutupinya pada papan tanda di seluruh Putrajaya.

Sehubungan ini, kos tidak boleh dijadikan alasan selama-lamanya. Maruah bahasa Melayu juga perlu diberi pertimbangan. Oleh itu, tindakan segera hendaklah diambil.

Sementara itu, masalah kesalahan pada 'parcel' boleh diselesaikan dengan lebih mudah lagi, tanpa sebarang kos. Ini kerana ia wujud pada kepala surat dalam bentuk alamat dalam perisian komputer. Oleh itu, ia boleh dengan mudah lagi cepat sekali digantikan dengan huruf 's', dengan satu ketikan saja.

Perbetul kesalahan

Melihat kepada betapa mudahnya masalah ini boleh diselesaikan, sebenarnya tidak patut ada lagi sebarang alasan untuk tidak membetulkannya. Sehubungan ini, kepimpinan Perbadanan Putrajaya yang membuat kenyataan keperluan kewajipan pada semua pihak untuk memastikan martabat bahasa Melayu terus dilindungi ini, hendaklah segera membetulkan dua kesalahan ini.

Ia hendaklah mencontohi Kerajaan Terengganu yang mengubah semua nama tempat yang sebelum ini dieja dengan huruf 'ch', misalnya dari Chukai kepada Cukai. Malah, nama negeri itu sendiri diubah dari ejaan Inggeris yang berhuruf 'tre' kepada 'tere', yang Melayu sifatnya.

Sebenarnya semua ini tidak perlu pun dilakukan atas alasan pewartaan dalam bentuk sedemikian, dan tidak boleh pun dianggap sebagai salah. Namun, ianya dilakukan jua di Terengganu. Syabas! Di Putrajaya, ia salah dan hendaklah diperbetul!



Penulis

ialah Profesor Linguistik di Universiti Kebangsaan Malaysia



TEO KOK SEONG